

	PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT  MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI	Tarikh : 01 SEPT 2021
		MukaSurat: 1/15
		PINDAAN: 3

## PROSEDUR UTAMA

MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

### **PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN MELALUI URUSETIA PUSAT SETEMPAT (OSC)**

**MDKT-OSC-01**

DISEDIAKAN OLEH:	DILULUSKAN OLEH:
NAMA:	NAMA:
JAWATAN:	JAWATAN:

	<b>PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT</b> <b>MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</b>	Tarikh : 01 SEPT 2021
		MukaSurat: 2/15
		PINDAAN: 3

## 1. OBJEKTIF

Memastikan semua permohonan cadangan pemajuan diproses dan diberikan keputusan berdasarkan kepada Manual OSC 3.0 PLUS yang disediakan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

## 2. SKOP PELAKSANAAN

Prosedur ini digunakan oleh Unit Pusat Setempat (OSC) bagi menyelaras permohonan cadangan pemajuan merangkumi Perihal Tanah, Kebenaran Merancang, Pelan Landskap, Pelan Kejuruteraan, Pelan Bangunan dan pelan-pelan lain yang berkaitan dikemukakan melalui sistem OSC 3.0 Plus Online dengan aktiviti berikut:-

- Semakan permohonan
- Penerimaan permohonan
- Pendaftaran permohonan
- Edaran kepada Agensi Teknikal Luar dan JabatanTeknikal
- Pemantauan UlasanTeknikal
- Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
- Pemakluman kepada pemohon

	PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT  MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI	Tarikh : 01 SEPT 2021
		MukaSurat: 3/15
		PINDAAN: 3

### 3. RUJUKAN

- 3.1 - Manual Kualiti
- 3.2 - Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)
- 3.3 - Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- 3.4 - Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
- 3.5 - Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984
- 3.6 - Undang- undang kecil Kerja Tanah MDKT 1995
- 3.7 - Akta Arkitek 1967 (Akta 117)
- 3.8 - Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Akta 138)
- 3.9 - Manual OSC 3.0 Plus – Proses dan Prosedur Cadangan Pemajuan serta Pelaksanaan Pusat Setempat (OSC) [Edisi Pertama] 2019
- 3.10 - Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Bil. 7 Tahun 2008

### 4. DEFINISI

#### 4.1 CADANGAN PEMAJUAN

Cadangan Pemajuan melibatkan pelbagai aktiviti, proses dan cadangan penyediaan dokumen-dokumen tertentu. Tafsiran yang berkaitan adalah:-

**“OSC 3.0 Plus Online”** adalah sebuah sistem elektronik untuk membuat penyerahan permohonan dan memproses permohonan untuk kawalan pemajuan. Ianya juga merupakan suatu platform elektronik untuk mendapatkan maklumat dan berkomunikasi secara dua hala untuk maklumat-maklumat berkenaan dengan kawalan pemajuan. Sistem OSC 3.0 PlusOnline ini membolehkan pengguna Sistem OSC Online untuk melaksanakan tugas dalam bentuk elektronik dan dalam talian (online).

	<b>PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT</b> <b>MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</b>	Tarikh : 01 SEPT 2021
		MukaSurat: 3/15
		PINDAAN: 3

"bangunan" termasuklah apa-apa rumah, pondok, bangsal atau kepungan beratap, sama ada digunakan atau tidak digunakan sebagai kediaman manusia, dan apa-apa tembok, pagar, pelantar, perancah, pintu pagar, tiang, pilar, pagar pancang, bingkai, papan dinding, pelancar, limbungan, dermaga, tembok sambut, jeti, pentas pengkalan atau jambatan, dan apa-apa struktur, topang atau asas yang bersambung pada atau dengan mana-mana daripada struktur itu;

'kerja bangunan" ertiannya meruntuhkan, mendirikan, mendirikan semula atau meluaskan suatu bangunan atau sebahagian daripadanya dan termasuklah:-

- a. Apa-apa tambahan pada ketinggian atau luas lantai suatu bangunan;
- b. Membuat bumbung atau membuat semula bumbung suatu bangunan atau sebahagian daripadanya;
- c. Apa-apa tambahan atau pengubahan kepada suatu bangunan yang menjelaskan atau mungkin akan menjelaskan susunan saliran atau kebersihannya atau keteguhannya;
- d. Apa-apa tambahan atau pengubahan kepada suatu bangunan, sama ada dibuat sebelum atau selepas bangunan itu siap, yang menyimpang dengan apa-apa cara daripada mana-mana pelan tau tentuan berkenaan dengan bangunan itu, yang diluluskan pada bila-bila masa oleh mana-mana pihak berkuasa yang diberi kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk meluluskan pelan dan tentuan itu;
- e. Apa-apa tambahan atau pengubahan kepada suatu bangunan yang menjelaskan secara material atau mungkin akan menjelaskan secara material bangunan itu dengan apa-apa cara; dan
- f. Apa-apa kerja lain yang biasanya dilakukan oleh seseorang yang menjalankan urusan pembinaan bangunan.

"kerja kejuruteraan" termasuklah membentuk atau meratakan tanah, membentuk atau menyediakan jalan masuk ke suatu jalan atau memasang kabel, sesalur atau menyediakan bekalan air atau saliran;

	<b>PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT</b> <b>MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</b>	Tarikh : 01 SEPT 2021
		MukaSurat: 4/15
		PINDAAN: 3

"kerja tanah" termasuklah apa-apa perbuatan mengorek, merata, menimbul dengan apa-apa bahan atau menebang pokok atas mana-mana tanah, atau apa-apa perbuatan lain yang menyentuh atau mengganggumana-mana tanah;

"Laporan Cadangan Pemajuan" termasuklah laporan mengenai sesuatu cadangan pemajuan yang hendak dicadangkan dan dibuat kepada pihak berkuasa perancang tempatan serta perlu mengikut bentuk, mengandungi butir-butir dan disertakan dengan dokumen, pelan dan bayaran yang telah ditetapkan di bawah subseksyen 21A(1) Akta 172.

"pelan susun atur" ertiannya pelan cadangan pemajuan secara berskala dan termasuklah:-

- a. Pelan yang menunjukkan aturan atau perancangan umum bangunan dan sebagainya;
- b. Sebahagian daripada pelan tempatan yang direka bentuk secara terperinci sebagai asas rujukan pembangunan; dan
- c. Pelan yang menunjukkan susunan ruang dalam sesebuah bangunan atau kawasan;

"pemajuan" ertiannya menjalankan apa-apa kerja bangunan, kejuruteraan, perlombongan, perindustrian atau apa-apa kerja lain yang seumpamanya pada. Di atas, di sebelah atas atau di bawah tanah, membuat apa-apa perubahan material mengenai penggunaan mana-mana tanah atau bangunan atau mana-mana bahagian daripadanya, atau memecah sempadan atau mencantumkan tanah; dan 'memajukan' hendaklah ditafsirkan sewajarnya;

"perindustrian" termasuklah pembinaan atau penyenggaraan kilang, bengkel, fondri, gudang, limbungan, jeti, keretapi atau bangunan atau pemasangan lain untuk mengilang, melebur, pengeluaran dan penyebaran kuasa, penyimpanan, pemasangan, pemprosesan, pengangkutan atau penyebaran barang-barang;

"perlombongan" termasuklah aktiviti-aktiviti untuk mengeluarkan, memindah, menggali atau menggunakan apa-apa bahan batuan yang terdapat di dalam atau di atas tanah;

	PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT  MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI	Tarikh : 01 SEPT 2021
		MukaSurat: 5/15
		PINDAAN: 3

"pertanian" termasuklah hortikultur, perladangan, penanaman tanaman, pokok buah-buahan, sayur-sayuran atau pokok-pokok, penanaman tumbuh-tumbuhan untuk digunakan sebagai makanan binatang, perladangan tenusu, pembiakan dan pemeliharaan ternakan, ikan atau lebah, dan menggunakan tanah bagi maksud tambahan pada mana-mana kegiatan itu atau pada mana-mana kegiatan pertanian yang lain; tetapi tidak termasuk menggunakan tanah sebagai sebuah taman untuk digunakan bersama dengan suatu bangunan yang bercantum pada tanah itu; dan pertanian hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

"tanah" termasuklah:-

- a. Permukaan bumi, dan segala benda yang menjadi permukaan bumi;
- b. Segala benda di bawah permukaan bumi;
- c. Segala tumbuh-tumbuhan dan keluaran semula jadi yang lain, sama ada atau tidak memerlukan penggunaan buruh secara berkala untuk pengeluarannya, dan sama ada di atas atau di bawah permukaan bumi;
- d. Segala benda, sama ada di atas atau di bawah permukaan bumi, yang bercantum pada bumi atau yang terpasang kekal pada apa-apa benda yang bercantum pada bumi;
- e. Tanah yang diliputi air; dan
- f. Apa-apa harta atau kepentingan mengenai, atau hak ke atas tanah.

#### 4.2 PERUNDING

Seorang Perancang Bandar Berdaftar yang didaftarkan di bawah subseksyen 15(3) Akta Perancang Bandar 1995 (Akta 538) atau seorang yang diperuntukkan kuasa mengemukakan permohonan cadangan pemajuan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain;

ATAU

	<b>PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT</b> <b>MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</b>	Tarikh : 01 SEPT 2021
		MukaSurat: 6/15
		PINDAAN: 3

Seseorang arkitek yang didaftarkan sebagai seorang Arkitek di bawah Akta Arkitek 1967 (Akta 117) dan mana – mana undang-undang berhubungan dengan pendaftar Arkitek dan yang dibenarkan di bawah undang-undang itu menjalankan amalan dan urusan sebagai seorang arkitek.

ATAU

Seseorang jurutera yang didaftarkan sebagai Jurutera Bertauliah di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Akta 138) dan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pendaftaran jurutera dan yang di bawah undang-undang itu dibenarkan menjalankan amalan atau urusan sebagai Jurutera Bertauliah.

ATAU

Seseorang Pelukis Pelan Bangunan berdaftar di bawah Akta Arkitek

#### **4.3 JABATAN TEKNIKAL DALAMAN**

Jabatan Perancangan Pembangunan dan Lanskap, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta serta Jabatan Kesihatan Majlis Daerah Kota Tinggi

#### **4.4 JABATAN TEKNIKAL LUARAN**

PLANMalaysia@Johor (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri), Pentadbir Tanah Daerah, Pejabat Tanah Galian, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Alam Sekitar, Indah Water Konsortium, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Jabatan Mineral dan Geosains, Syarikat Air Johor Ranhill Berhad, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, SWcorp (Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam), Jabatan Pertanian, Jabatan Penerbangan Awam serta Pihak Berkuasa Pembangunan (seperti MADA dll) dan jabatan teknikal lain yang berkaitan.

	PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT  MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI	Tarikh : 01 SEPT 2021
		MukaSurat: 7/15
		PINDAAN: 3

#### **4.5 MESYUARAT JAWATANKUASA OSC**

Terdiri daripada:

- 1 Yang Dipertua PBT,
- 2 Timbalan Yang Dipertua/ Setiausaha Majlis,
- 3 Ketua Unit Pusat Setempat,
- 4 Pengarah PLANMalaysia@Johor,
- 5 PengarahPejabat Tanah dan Galian/Pentadbir Tanah Daerah,
- 6 PengarahJabatan Kerja Raya,
- 7 PengarahJabatan Pengairan dan Saliran,
- 8 PengarahJabatan Alam Sekitar,
- 9 PengarahTenaga Nasional Berhad,
- 10 PengarahJabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
- 11 PengarahRanhill SAJ Sdn. Bhd.
- 12 PengarahJabatan Mineral dan Geosains,
- 13 PengarahSuruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia,
- 14 PengarahIndah Water Konsortium,
- 15 Pengarah SWcorp (Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam),
- 16 KetuaJabatan Perancangan Pembangunan dan Lanskap PBT,
- 17 Ketua Bahagian Lanskap PBT,
- 18 KetuaJabatan Kesihatan PBT,
- 19 Ketua Bahagian Bangunan PBT,
- 20 KetuaJabatan Kejuruteraan PBT,
- 21 Ketua Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta PBT,
- 22 4 orang Ahli Majlis dan
- 23 lain-lain wakil jabatan teknikal yang berkaitan

	PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT  MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI	Tarikh : 01SEPT 2021
MukaSurat: 8/15		
PINDAAN: 3		

## 5. SINGKATAN

### 5.1 PENJAWATAN

MDKT	- Majlis Daerah Kota Tinggi
YDP	- Yang DipertuaMajlis
SU	- SetiausahaMajlis
KJ	- Ketua Jabatan.
KU OSC	- Ketua Unit OSC
PPPB	- Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa
PPS	- Penolong Pegawai Senibina
PJ	- Penolong Jurutera
PT	- Pembantu Tadbir
PO	- Pembantu Operasi
JKOSC	- Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
PBT	- Pihak Berkuasa Tempatan

### 5.2 JABATAN TEKNIKAL LUAR

PTD	- Pentadbir Tanah Daerah
PTG	- Pejabat Tanah Dan Galian
JKR	- Jabatan Kerja Raya
JPS	- Jabatan Pengairan Dan Saliran
TNB	- Tenaga Nasional Berhad
JAS	- Jabatan Alam Sekitar
IWK	- Indah Water Konsortium
JMG	- Jabatan Mineral Dan Geosains
JBPM	- Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia
RSAJ	- Ranhill SAJ Sdn Bhd
PM@J	- PLANMalaysia@Negeri(Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri)

	<b>PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT</b>  <b>MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</b>	<b>Tarikh : 09 OGOS 2020</b>  <b>MukaSurat: 10/15</b>  <b>PINDAAN: 3</b>
---	---	--

SWcorp	- Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
JPn	- Jabatan Pertanian
JPA (DCA)	- Jabatan Penerbangan Awam
SKMM	- Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia

### 5.3 JABATAN TEKNIKAL DALAMAN

JPPL	- Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Lanskap PBT
JJ	- Jabatan Kejuruteraan PBT
JK	- Jabatan Kesihatan PBT
JPPH	- Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta

### 5.4 DOKUMEN

KPPA	- Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan Am
LCP	- Laporan Cadangan Pemajuan
RSN	- Rancangan Struktur Negeri
RTD	- Rancangan Struktur Tempatan

## 6. TANGGUNGJAWAB

JAWATAN	TANGGUNGJAWAB
JKOSC	Bertanggungjawab untuk menyelaras, mengawal dan memantau proses kelulusan permohonan pembangunan tanah dan pemajuan tanah
	Bertanggungjawab mengurusetia Mesyuarat Jawatankuasa OSC, memastikan ianya berjalan lancar, mengambil minit mesyuarat dan menghasilkan cabutan Mesyuarat Jawatankuasa OSC
	Mengedarkan keputusan rasmi perakuan Mesyuarat Jawatankuasa OSC kepada jabatan induk, Agensi Teknikal luaran yang berkaitan dan PTD

	<b>PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT</b>  <b>MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</b>	Tarikh : 09 OGOS 2020
MukaSurat: 11/15		PINDAAN: 3

	Menyediakan perakuan minit Mesyuarat Jawatankuasa OSC untuk memaklumkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC kepada Mesyuarat Majlis Penuh
	Mengemaskini rekod-rekod permohonan ke dalam Portal OSC

## 7. TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

<b>Tanggungjawab</b>	<b>Tindakan</b>
<b>PJ/PPPBD</b>	<p><b>Semakan Permohonan Secara Online</b></p> <p>Menyemak dan memberikan ulasan Permohonan Cadangan Pemajuan daripada pemohon/perunding mengikut senarai semak seperti permohonan Perihal Tanah, Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Pelan Kejuruteraan dan Pelan Lanskap melalui Sistem online.</p> <p>Memberi maklumbalas kepada pemohon bagi permohonan yang tidak lengkap/lengkap diberikan selewat-lewatnya dalam tempoh 3 hari.</p> <p>Permohonan yang tidak lengkap, PSP perlu menyediakan dokumen yang tidak lengkap dan mengemukakan permohonan online semula..</p>
<b>KU OSC/PJ/PPPBD</b>	<p><b>Semakan Permohonan di Kaunter</b></p> <p>Permohonan yang telah menyediakan dokumen yang lengkap secara online boleh dikemukakan dokumen <i>hardcopy</i> kepada OSC selewat-lewatnya dalam tempoh 3 hari dari ulasan online yang diberikan.</p> <p>Semakan dan menerima dokumen permohonan yang lengkap di kaunter.</p>

	<b>PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT</b> <b>MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</b>	Tarikh : 09 OGOS 2020
		MukaSurat: 12/15
		PINDAAN: 3

	<b>Pendaftaran Permohonan Pemajuan</b>
<b>PJ/ PPPBD</b>	Mendaftar permohonan dalam Buku Rekod Pendaftaran.  Menyediakan fail permohonan dan merekod pelan ' <i>hard copy</i> ' yang diterima.
<b>KU OSC/ PJ/ PPPBD</b>	Sediakan surat kepada jabatan teknikal berkaitan untuk memberikan ulasan melalui OSC online.
<b>KU OSC/ PJ/ PPPBD</b>	Menentukan jabatan yang berkaitan dengan permohonan dan mengedarkan permohonan melalui sistem OSC 3.0 Plus Online selewatnya dalam tempoh 2 hari.
<b>KU OSC/ PJ/ PPPBD</b>	Mendaftar permohonan dalam sistem (Portal OSC V3 KPCT)
<b>PT / PO</b>	Rekod surat dan dokumen permohonan ke dalam data excel. Edar fail permohonan kepada Jabatan memproses.
	<b>Merekod Ulasan Teknikal</b>
<b>PJ/PPPBD/PT</b>	Merekod ulasan Agensi Teknikal yang diterima melalui system OSC 3.0 Plus Online ke dalam Portal OSC, data excel dan fail permohonan.

	<b>PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT</b> <b>MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</b>	Tarikh : 09 OGOS 2020
MukaSurat: 13/15		
PINDAAN: 3		

<b>PJ/PPPBD/PPS</b>	<b>Penyediaan Kertas Kerja Permohonan</b>  Cetak kertas kerja permohonan.
<b>PJ/PPPBD</b>	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)</b>  Menetapkan tarikh mesyuarat dan sediakan agenda Mesyuarat.
<b>PJ/PPPBD</b>	Menyediakan surat panggilan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
<b>PJ/PPPBD/ PT/PO</b>	Mengedar surat panggilan Mesyuarat Jawatankuasa Setempat (OSC) kepada ahli mesyuarat sekurang-kurangnya 5 hari sebelum mesyuarat bersidang.
<b>KU OSC</b>	Membentangkan kertas kerja cadangan pemajuan untuk pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).
	<b>Pemakluman Kepada Pemohon</b>
<b>KU OSC/ PJ/ PPPBD</b>	Keputusan dasar diberikan kepada PSP didalam sistem OSC 3.0 Plus online dalam tempoh selewatnya 3 hari bekerja dari tarikh mesyuarat bersidang.
<b>KU OSC/ PJ/ PPPBD</b>	Keputusan terperinci diedar dikepada PSP didalam sistem OSC 3.0 Plus Online dan minit mesyuarat disahkan dalam tempoh selewatnya 5 hari bekerja dari tarikh mesyuarat bersidang.
<b>PJ/PPPBD</b>	Merekod keputusan permohonan dalam sistem (Portal OSC V3 KPKT)
<b>PT / PO</b>	Merekod surat pemakluman dalam data excel dan fail permohonan.

	PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT  MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI	Tarikh : 09 OGOS 2020
MukaSurat: 14/15		
PINDAAN: 3		

## 8. REKOD KUALITI

Bil.	Rekod	Tempoh	Tempat
8.1	Borang Senarai Semak	20 tahun	Laman Web MDKT
8.2	Fail Permohonan	20 tahun	Jabatan Memproses
8.3	Buku Daftar Permohonan	20 tahun	OSC

## 9. LAMPIRAN

Bil.	Lampiran	Rujukan
9.1	Senarai Semak Kebenaran Merancang	MDKT/OSC/KM
9.2	Senarai Semak Kebenaran Merancang Menara Pemancar Telekomunikasi	MDKT/OSC/KMMP
9.3	Senarai Semak Pelan Kerja Tanah, Jalan Dan Perparitan	MDKT/OSC/KTJP
9.4	Senarai Semak Pelan Bangunan	MDKT/OSC/PB
9.5	Senarai Semak Permit Sementara Menara Pemancar	MDKT/OSC/PSMP
9.6	Senarai Semak Pelan Lampu Jalan	MDKT/OSC/LJ
9.7	Senarai Semak Pelan Lanskap	MDKT/OSC/L
9.8	Senarai Semak Permohonan Nama Taman, Nama Jalan, Nama Bangunan Dan Pelan Alamat (No. Bangunan)	MDKT/OSC/TMN



**PROSEDUR KELULUSAN PERMOHONAN  
CADANGAN PEMAJUAN PUSAT SETEMPAT**


**MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI**

Tarikh : 09 OGOS 2020

MukaSurat: 15/15

## PINDAAN: 3

## **10. CARTA ALIR**



*\*Tempoh piagam sesuatu permohonan pemajuan bergantung kepada jenis permohonan*